

Headline	Bil terkurang caj RM 290,230		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	20 Apr 2018	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Setempat	Page No	34
ArticleSize	448 cm ²	Journalist	Mahaizura Abd
PR Value	RM 52,945		



>> **Perbicaraan** penuh diadakan **selama** dua hari pada **12 dan 13** Februari lalu

Bil terkurang caj **RM290,230**

■ **Mahkamah benarkan tuntutan TNB terhadap Cathay Resources Sdn Bhd**

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam, membenarkan tuntutan bil terkurang caj Tenaga Nasional Berhad (TNB) berjumlah RM290,230.89 terhadap Cathay Resources Sdn Bhd kerana pengusikan pemasangan meter TNB yang berfungsi merekodkan penggunaan elektrik di kilang syarikat itu. Hakim Noor Ruzilawati Mohd Noor membenarkan tuntutan TNB selaku plaintif terhadap defendan dengan kos sebanyak RM10,000.

Tuntutan yang dibuat itu adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 38 (3) dan (5) Akta Bekalan Elektrik 1990.

Dalam penghakiman itu,

TNB berjaya membuktikan berlaku pengusikan pada pemasangan meter di kilang membuat peralatan keselamatan terbit yang beralamat di Taman Perindustrian Subang Hi-Tech, Shah Alam. Pemeriksaan TNB mendapati pendawaian litar arus S1 dan fasa merah dari alat ubah arus (CT) ke blok terminal ujian (TTB) dalam keadaan tidak bersambung pada kaki TTB.

Sepanjang perbicaraan, TNB diwakili peguam Megat Muslehuddin Megat Radzuan dan dibantu Pelatih Dalam Kamar, Muhammad Safwan Sofruddin dari Abu Bakar & Yong yang mengemukakan writ saman pada 13 Julai tahun lalu.

Defendan pula diwakili peguam Loo Chay Meng dan Siti Fariza Faris@Paris dari Tetuan Abu Hassan & Associates.

TNB memanggil empat saksi manakala defendan



mengemukakan seorang saksi untuk memberi keterangan sepanjang perbicaraan berlangsung. Perbicaraan penuh terhadap kes berkenaan

diadakan selama dua hari pada 12 dan 13 Februari lalu.

Dalam penghakiman itu, TNB berjaya membuktikan wujudnya pengusikan

berkenaan yang membuatkan pihaknya kerugian hasil bermula 1 Mei 2014 hingga 10 Mac 2016.

TNB sebelum ini turut

memenangi kes sama berjumlah RM13.8 juta yang dibicarakan di mahkamah sepanjang seluruh negara sepanjang tempoh empat bulan pertama tahun ini.

FAKTA
TNB panggil empat saksi manakala defendan kemuka seorang saksi